

## **FAKTOR PENENTU KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN BELIA MELAYU MENGGUNAKAN PEMODELAN KUASA DUA TERKECIL SEPARA**

(Determinants Factors of Financial Well-Being among Malay Youth Using Partial Least Square Modeling)

ZALINA MOHD ALI\*, NURUL NABIHAH ISMAIL, NUR RIZA SURADI, ZAINOL MUSTAFA & MUNIRA ISMAIL

### *ABSTRAK*

Berdasarkan Laporan Indeks Belia Malaysia 2019, tahap kesejahteraan ekonomi belia Melayu adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, dapatan ini menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2015-2017 yang mencatatkan tahap kesejahteraan ekonomi belia Melayu pada tahap tidak memuaskan. Ini memberi gambaran bahawa masih ada ruang untuk menambah baik kelemahan belia Melayu dalam menguruskan kewangan dan ekonomi. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia Melayu menggunakan Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa. Kaedah pensampelan mudah dilakukan di zon tengah iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor. Seramai 205 orang responden yang terdiri daripada kakitangan awam dan swasta terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Hasil analisis Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa menunjukkan bahawa semua faktor yang dipertimbangkan menyumbang kepada kesejahteraan kewangan. Misalnya, penggajian didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres kewangan, kepuasan kewangan, dan kesejahteraan kewangan. Manakala, stres kewangan pula menunjukkan hubungan negatif dengan kepuasan kewangan dan dapatan ini menyokong kajian penyelidikan terdahulu.

*Kata kunci:* belia; kesejahteraan kewangan; kuasa dua terkecil separa

### *ABSTRACT*

Based on Malaysian Youth Index Report 2019, the level of economic well-being of Malay youths is at moderate level. However, these findings shown an increase compared to 2015-2017 which recorded the level of economic well-being of Malay youth at an unsatisfactory level. This gives the impression that there is still room to improve the weaknesses of Malay youths in managing finances and economy. Thus, this study was conducted to determine the factors that influence financial well-being among Malay youth using Partial Least Squares Modeling. The convenience sampling method is done in the central zone, namely in Putrajaya, Kuala Lumpur and Selangor. A total of 205 respondents consisting of public and private employees were involved in this study. The research instrument used was a questionnaire. The results of the Partial Least Squares Modeling analysis show that all the factors considered contributed to financial well-being. For example, wages were found to have a significant relationship with financial stress, financial satisfaction, and financial well-being. Meanwhile, financial stress showed a negative relationship with financial satisfaction and these findings support previous researchers' studies.

*Keywords:* youth; financial well-being; partial least square

## 1. Pengenalan

Isu kewangan merupakan salah satu aspek penting dalam menguruskan hal-hal berkenaan kehidupan. Masalah yang berkaitan dengan isu kewangan ini merupakan salah satu perkara serius yang sering dihadapi oleh isi rumah di Malaysia. Masalah kewangan boleh berpunca daripada kurang peluang pekerjaan, ketidakstabilan pendapatan dan kuasa membeli yang semakin mencabar (Sabri & Zakaria 2015) serta boleh mempengaruhi kepuasan dan kesejahteraan kewangan belia (Sabri *et al.* 2017). Isu ini turut memberi kesan kepada golongan belia dengan majoriti mereka mempunyai kurang pendapatan dan pemilikan aset.

Golongan belia merupakan mereka yang berumur di antara 15 dengan 35 tahun (IYRES 2015). Terdapat juga kajian yang menggunakan umur belia sebagai mereka yang berumur kurang daripada 40 tahun (Abdullah *et al.* 2013). Golongan ini memerlukan simpanan jangka panjang daripada pelbagai sumber seperti gaji dan pelaburan. Bagi belia yang mempunyai sumber kewangan yang kecil seperti gaji, keupayaan kewangan mereka dalam pemilikan aset untuk keperluan masa depan adalah dalam pelbagai bentuk yang memerlukan hutang (Haveman & Wolff 2005). Walaupun terdapat pelbagai definisi keupayaan kewangan dari aspek tingkah laku (Johnson & Sherraden 2007) namun keupayaan kewangan dari sudut fizikal seperti gaji yang diperoleh dan pengetahuan kewangan yang dimiliki juga merupakan definisi penting (Sawitri & Arifin 2021).

Sungguhpun begitu, belia pada zaman sekarang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti sumber kewangan yang terhad dan peningkatan kos sara hidup (Singh & Sandhu 2017). Cabaran-cabaran seperti ini boleh menyumbang kepada pengaruh stres kewangan sekiranya aspek2 seperti toleransi risiko (Halliday-Wynes & Nguyen 2014), kelakuan kewangan (Ponnet *et al.* 2016) dan pengurusan hutang (Palansamy 2021) tidak dikendalikan dengan baik. Ini turut disokong oleh Idris *et al.* (2016) bahawa peningkatan pengurusan pelbagai jenis hutang dalam kalangan belia boleh membuatkan mereka rasa terbeban sehingga menyebabkan stres kewangan (Sabri *et al.* 2017) dan seterusnya mempengaruhi kepuasan kewangan belia (Halliday-Wynes & Nguyen 2014). Stres kewangan turut memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan individu (Joo 2008), lebih-lebih lagi apabila mereka dihipit dengan masalah kewangan seperti gaji yang rendah dan hutang yang tinggi (Sabri & Zakaria 2015). Dapatan ini turut disokong menerusi hubungan yang wujud di antara kesejahteraan kewangan dengan stres kewangan dan kelakuan kewangan (Mokhtar & Husniyah 2017; Delafrooz & Paim 2011). Isu kesejahteraan kewangan belia yang serius boleh juga menyebabkan masalah seperti jenayah (Hoeve *et al.* 2014) dan perkahwinan (Zulkarnain & Ramli 2020).

Melalui kajian yang dijalankan oleh Sabri dan Zakaria (2015) pula, belia di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya berhadapan dengan isu peningkatan hutang dalam memenuhi keperluan pemilikan aset seperti rumah, kereta atau perkahwinan. Walau bagaimanapun, tekanan akibat isu peningkatan kos sara hidup di kawasan bandar terutamanya dalam kalangan kaum Melayu boleh dikurangkan menerusi amalan berjimat ketika berbelanja supaya golongan belia tidak berdepan dengan masalah hutang yang serius (Bukhari *et al.* 2020). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Abdullah *et al.* (2013) dengan lebih 90% responden adalah belia Melayu yang bekerja di kawasan bandar dengan tahap pengurusan hutang dalam kalangan responden adalah sederhana.

Berdasarkan laporan IYRES (2019), berlaku trend penurunan dalam kesejahteraan hidup belia di Malaysia iaitu daripada 71.21 pada tahun 2016 kepada 70.34 pada tahun 2017 dan 66.98 pada tahun 2019. Salah satu domain yang digunakan dalam mengukur kesejahteraan hidup belia di Malaysia adalah domain Kesejahteraan Ekonomi yang merangkumi aspek Jaminan Kewangan, Bebas Hutang, Literasi Kewangan, Kebolehpkerjaan

dan Penggajian Sungguhpun pelbagai bukti telah dikumpulkan oleh penyelidik terdahulu berkenaan pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi kesejahteraan kewangan atau ekonomi khususnya dalam kalangan belia, namun kajian terhadap penentu kesejahteraan kewangan belia secara menyeluruh masih kurang. Oleh itu, faktor penentu yang memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan belia perlu dijalankan menerusi teknik pemodelan yang sesuai. Penentuan faktor-faktor yang berkaitan dapat memberi panduan kepada golongan belia terhadap pelbagai isu dan masalah kewangan agar kualiti kehidupan golongan ini dapat ditingkatkan. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberikan maklumat awal tentang faktor-faktor penting dalam membantu golongan belia menguruskan kewangan dengan lebih baik dan seterusnya merancang strategi yang lebih sesuai dalam pengurusan aset dan hutang.

## **2. Kajian Literatur**

### **2.1. Kelakuan kewangan**

Kelakuan kewangan merupakan tingkah laku manusia yang berkaitan dengan pengurusan wang seperti tunai, kredit dan tingkah laku menyimpan. Kelakuan kewangan boleh memberi kesan terhadap kepuasan kewangan (Godwin 1994; Godwin & Carroll 1986; Mugenda *et al.* 1990) dan kesejahteraan kewangan (Shim *et al.* 2009; Abdullah *et al.* 2019). Shim *et al.* (2009) turut mendapati kelakuan kewangan seperti belanjawan dan pengurusan simpanan adalah berkait dengan kesejahteraan kewangan belia. Pengurusan kewangan yang lemah akan memberi impak negatif terhadap kesejahteraan kewangan (Kim *et al.* 2003) manakala kelakuan kewangan yang baik dapat meningkatkan kepuasan kewangan (Xiao *et al.* 2007), mengurangkan stres kewangan (Sabri *et al.* 2018) dan memberi panduan ke arah pengurusan kewangan (Juen *et al.* 2013) dan pengurusan hutang yang lebih baik (Ahmad Basri & Zainudin 2018). Dapatan Joo dan Garble (2004) menunjukkan wujud perkaitan antara kelakuan kewangan dengan kesejahteraan kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini turut disokong Fitzsimmons dan Leach (1994) serta Hira *et al.* (1992) dalam kajian masing-masing.

### **2.2. Kebolehpekerjaan**

Kebolehpekerjaan atau kebolehpasaran berkait rapat dengan keupayaan pekerja mencari pekerjaan lain sama ada di peringkat dalaman atau luaran organisasi (Forrier & Sels 2003). Menurut Silla *et al.* (2009), konsep kebolehpekerjaan ini boleh diukur dengan menggunakan indikator objektif seperti pendidikan, latihan atau bilangan perubahan kerjaya (Elman & Angela 2002; Forrier & Sels 2003) atau indikator subjektif seperti persepsi dalam pasaran kerja (Berntson & Marklund 2006; de Cuyper *et al.* 2008). Kebolehpasaran juga dilihat boleh mempengaruhi faktor penggajian yang diterima sama ada pekerja kekal dengan pekerjaan sedia ada walaupun gaji ditawarkan lebih rendah (Mansor & Abu Rahim 2020) atau mencari peluang yang lebih baik menggunakan kelayakan yang diperoleh (Tomlinson 2012).

### **2.3. Toleransi risiko**

Menurut Joo dan Grable (2004), toleransi risiko merupakan sebahagian daripada konstruk sikap kewangan yang berkait rapat dengan kepuasan kewangan. Sebagai contoh, perbezaan tahap toleransi risiko boleh menghasilkan perbezaan dalam membuat keputusan kewangan dan seterusnya membawa kepada perbezaan tahap kepuasan kewangan. Toleransi risiko juga

mempunyai hubungan dengan stres kewangan seperti dinyatakan oleh Joo dan Grable (1999) dan Kannadhasan (2015).

#### **2.4. Pengurusan hutang**

Senario keberhutangan yang tinggi sering dikaitkan dengan golongan pekerja muda kerana fasa peralihan yang dilalui bermula daripada hidup bergantung kepada penjaga kepada hidup secara berdikari sepenuhnya terutama dalam soal kewangan (Shim *et al.* 2009). Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), punca utama berlakunya trend keberhutangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia adalah disebabkan aspek pengurusan hutang yang lemah dan tidak terancang. Berdasarkan kajian Joo *et al.* (2008), aspek pengurusan hutang yang lemah boleh menyebabkan stres kewangan. Dapatan ini turut disokong oleh Britt *et al.* (2016) dan Xiao *et al.* (2021).

#### **2.5. Penggajian**

Gaji merupakan satu bentuk keupayaan kewangan seseorang. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan keupayaan kewangan ini mempunyai hubungan dengan stres kewangan (Kim dan Garman 2004) dan seterusnya mempengaruhi kepuasan kewangan (Davidescu *et al.* 2020).

#### **2.6. Stres kewangan**

Stres kewangan merupakan suatu bentuk tekanan kewangan yang memberi kesan terhadap individu atau keluarga (McCubbin & Patterson, 1983) sehingga boleh menyebabkan penurunan tahap kepuasan kewangan (Freeman *et al.* 1993; Joo 1998; Joo & Grable 2004). Stres kewangan juga mempunyai hubungan negatif dengan kepuasan kewangan (Bailey *et al.* 1998, Fan & Henager 2021) dan boleh mempengaruhi kesejahteraan kewangan (Ab Rahman *et al.* 2020).

#### **2.7. Kepuasan kewangan**

Kepuasan kewangan merupakan sebahagian konstruk penting dan boleh mempengaruhi kesejahteraan kewangan seseorang (Mahdzan *et al.* 2020). Menurut Joo (2008), kepuasan kewangan boleh ditentukan dengan menggunakan satu unit pengukuran item bagi memberi gambaran keseluruhan kepuasan kewangan atau pelbagai item bagi kepuasan kewangan seperti kepuasan terhadap pendapatan, jumlah wang untuk kegunaan masa lapang, jumlah simpanan serta jumlah dana kecemasan. Namun, pengukuran item tunggal sahaja sudah memadai kerana nilai ukuran tersebut menyamai nilai pengukuran pelbagai item (Joo & Grable 2004).

#### **2.8. Kesejahteraan kewangan**

Menurut Joo (2008), kesejahteraan kewangan adalah penilaian subjektif terhadap situasi kewangan individu dan boleh didefinisikan sebagai suatu keadaan individu yang menganggap status kewangannya sihat, bahagia dan bebas daripada kerisauan. Kesejahteraan kewangan merupakan elemen penting yang digunakan dalam mengukur kesejahteraan (Paim *et al.* 2004) dan kualiti hidup (Mohamad Fazli & Nurul Farhana 2015). Hayhoe dan Wilhelm (1998) turut merujuk kesejahteraan kewangan sebagai tanggapan atau penilaian seseorang mengenai keadaan atau tahap ekonomi mereka berdasarkan kehendak dan keperluan.

### **3. Bahan dan Kaedah**

#### **3.1. Instrumen kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui pensampelan mudah. Terdapat lapan bahagian utama dalam borang soal selidik. Bahagian A mengandungi soalan tahap persetujuan terhadap Kebolehpasaran, Bahagian B mengandungi soalan tahap persetujuan Penggajian, Bahagian C berkenaan Pengurusan Hutang, Bahagian D berkenaan Toleransi Risiko, Bahagian E berkaitan Kelakuan Kewangan, Bahagian F berkenaan Stres Kewangan, Bahagian G pula mengandungi soalan mengenai tahap Kepuasan Kewangan, Bahagian H mengandungi soalan Kesejahteraan Kewangan dan Bahagian I pula maklumat demografi responden. Pada Bahagian A, B, C, D, E, F, H dan I skala Likert 1-7 digunakan bagi mengukur tahap persetujuan terhadap item-item setiap faktor Kesejahteraan Kewangan dengan skala 1 menunjukkan “sangat tidak bersetuju” dan skala 7 menunjukkan “sangat bersetuju”.

Soal selidik yang digunakan diadaptasi daripada kajian terdahulu iaitu Kelakuan Kewangan daripada Joo dan Grable (2004), Kebolehpasaran (Joosten 2016), Toleransi Risiko (Joo & Grable 2004), Pengurusan Hutang (Nuraini & Mohamad Fazli 2016), Penggajian (Balzer *et al.* 1997) dan Stres Kewangan (Nuraini & Mohamad Fazli 2016). Aspek pengukuran Kepuasan Kewangan pula adalah berdasarkan soalan yang digunakan oleh Joo (2008) dan Kesejahteraan Kewangan adalah daripada Jariah (2007). Ujian rintis juga telah dijalankan bagi memastikan soal selidik yang dibangunkan adalah sesuai dan boleh digunakan.

#### **3.2. Sampel kajian**

Responden dalam kajian ini adalah mereka yang berumur 15 sehingga 35 tahun yang bekerja di sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor. Fokus utama adalah kepada belia Melayu kerana kumpulan ini yang paling ramai melakukan pelbagai bentuk pekerjaan di kawasan Lembah Klang dan juga keperluan bagi melihat kesejahteraan kewangan mereka. Ini juga disebabkan oleh isu peningkatan kos sara hidup dan tahap pengurusan hutang dalam kalangan kumpulan ini yang perlu diberi perhatian.

#### **3.3. Kerangka dan hipotesis kajian**

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kesejahteraan keluarga bagi kajian ini yang diadaptasi daripada Joo (2008) dan IYRES (2015). Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

*H1* : Kebolehpasaran mempunyai hubungan positif dengan Penggajian

*H2* : Penggajian mempunyai hubungan positif dengan Kepuasan Kewangan

*H3* : Penggajian mempunyai hubungan negatif dengan Stres Kewangan.

*H4* : Penggajian mempunyai hubungan positif dengan Kesejahteraan Kewangan

*H5* : Kelakuan Kewangan mempunyai hubungan positif dengan Pengurusan Hutang


*H6* : Kelakuan Kewangan mempunyai hubungan positif dengan Stres Kewangan

*H7* : Pengurusan Hutang mempunyai hubungan positif dengan Stres Kewangan

*H8* : Kepuasan kewangan mempunyai hubungan positif dengan Kesejahteraan Kewangan.

*H9* : Stres Kewangan mempunyai hubungan negatif dengan Kepuasan Kewangan

*H10*: Toleransi risiko mempunyai hubungan positif dengan Stres Kewangan



Rajah 1: Kerangka konseptual kesejahteraan kewangan

### 3.4. Kaedah analisis

Maklumat tahap persetujuan terhadap faktor-faktor kesejahteraan kewangan dianalisis menggunakan Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa bagi menentukan hubungan yang terhasil serta mengenal pasti faktor-faktor keupayaan kewangan yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan belia. Analisis pemodelan ini turut dikenali sebagai *Structural Equation Modeling-Partial Least Square* (PLS-SEM) dan dijalankan bagi mengetahui kesesuaian indikator yang digunakan untuk mewakili setiap faktor. Analisis ini melibatkan analisis model dalaman dan luaran. Kerangka model PLS-SEM ini diuji menggunakan Smart PLS M3 Versi 2 (Ringle *et al.* 2015). Hanya soal selidik yang memenuhi keperluan analisis dalam PLS-SEM sahaja dipertimbangkan untuk analisis ini. Ini dapat ditentukan menerusi pemberat atau pekali laluan bagi setiap hubungan yang diuji sama ada signifikan atau sebaliknya menerusi nilai-*t* yang diperolehi berdasarkan kaedah butstrap. Begitu juga keputusan daripada nilai pekali penentuan,  $R^2$  untuk pemboleh ubah bersandar yang dinilai bagi menentukan jumlah varians dalam konstruk yang diterangkan dalam model.

## 4. Hasil Analisis

### 4.1. Maklumat demografi

Dalam kajian ini, seramai 205 responden berbangsa Melayu yang bekerja telah menjawab soal selidik dengan lengkap. Jadual 1 menunjukkan dapatan bilangan dan peratusan responden mengikut faktor-faktor demografi. Majoriti responden tergolong dalam kategori umur 25 sehingga 35 tahun. Sebanyak 69% responden terdiri daripada belia yang bekerja di sektor swasta dan selebihnya mereka yang bekerja di sektor kerajaan. Lebih 50% responden memiliki Ijazah Sarjana Muda. Seramai 62% responden adalah belia yang berstatus bujang. Didapati juga, 58% responden mempunyai nilai wang simpanan kurang daripada RM5000 dan 60% responden menganggarkan mempunyai nilai harta/aset kurang daripada RM10,000. Bagi anggaran nilai hutang pula, 43% responden menganggarkan mempunyai nilai hutang kurang daripada RM10,000. Ini bermakna, lebih 50% daripada responden memiliki anggaran hutang melebihi RM10,000.

Jadual 1: Bilangan dan peratusan responden mengikut faktor-faktor demografi

Pemboleh ubah	Kategori	Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	71	35
	Perempuan	134	65
Umur	15-24 tahun	26	13
	25-35 tahun	179	87
Sektor Pekerjaan	Kerajaan	64	31
	Swasta	141	69
Tahap Pendidikan	Sek. Men. Atas (SPM/MCE)	4	2
	Sek. Men. Tinggi (STPM/HSC)	4	2
	Sijil	4	2
	Diploma	29	14
	Ijazah Sarjana Muda	142	69
Status Perkahwinan	Ijazah Sarjana/Doktor Falsafah	22	11
	Bujang	127	62
	Berkahwin/Pernah Berkahwin	78	38
Nilai Wang Simpanan	Kurang RM5000	119	58
	RM5001 sehingga RM10,000	43	21
	Melebihi RM10,001	43	21
Anggaran Nilai Harta/Aset	Kurang RM10,000	124	60
	Lebih RM10,000	81	40
Anggaran Nilai Hutang	Kurang RM10,000	89	43
	RM10,001 sehingga RM50,000	65	32
	RM50,001 sehingga RM100,000	51	25

#### 4.2. Analisis kuasa dua terkecil separa - analisis model luaran

Model dinilai berdasarkan kesahan konstruk, kesahan tumpuan dan kesahan pembeza layan. Dapatan pada Bahagian 4.2.1 - 4.2.3 adalah merupakan hasil daripada item-item yang memenuhi syarat dan keperluan bagi ketiga-tiga perkara ini.

##### 4.2.1. Kesahan konstruk

Kesahan konstruk pada indikator tertentu boleh ditentukan berdasarkan kepada masing-masing pembeban silang dan pembeban faktor. Nilai pembeban yang signifikan dan dicadangkan oleh Hair *et al.* (2018) ialah nilai pembeban yang melebihi 0.50 bagi dua atau lebih faktor. Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat indikator-indikator tertentu yang mempunyai nilai pembeban melebihi 0.6 bagi konstruk masing-masing dan kurang daripada 0.60 bagi konstruk berbeza. Keadaan ini memberi jaminan bahawa kesahan konstruk telah dipenuhi berdasarkan item-item yang dipilih. Pemeriksaan ke atas pembeban faktor item-item bagi 8 pemboleh ubah tidak dicerap menunjukkan bahawa 35 pemboleh ubah dicerap mempunyai nilai di antara 0.619 – 0.933 dengan semua nilai adalah positif dan melebihi nilai yang dicadangkan iaitu 0.6.

Jadual 2: Nilai pembeban dan pembeban silang

Indikator	Pemboleh ubah Tidak Dicerap							
	BK	G	KK	PH	PK	S	SK	TR
BK1	<b>0.861</b>	0.332	-0.196	-0.085	0.298	-0.186	0.310	-0.169
BK2	<b>0.933</b>	0.330	-0.143	-0.131	0.306	-0.219	0.265	-0.173
BK3	<b>0.859</b>	0.259	-0.134	-0.084	0.173	-0.075	0.156	-0.170
BK4	<b>0.857</b>	0.240	-0.201	-0.220	0.261	-0.191	0.230	-0.106
G1	0.285	<b>0.619</b>	-0.209	-0.075	0.345	-0.201	0.383	-0.005
G5	0.305	<b>0.872</b>	-0.186	-0.072	0.487	-0.295	0.577	-0.135
G6	0.257	<b>0.850</b>	-0.230	-0.107	0.466	-0.263	0.499	-0.176
G7	0.234	<b>0.813</b>	-0.090	0.082	0.364	-0.122	0.417	-0.186

Jadual 2 (Sambungan)

G8	0.267	<b>0.835</b>	-0.208	-0.132	0.507	-0.279	0.500	-0.005
KK10	-0.204	-0.295	<b>0.830</b>	0.440	-0.447	0.496	-0.499	0.137
KK7	-0.012	0.051	<b>0.709</b>	0.395	-0.210	0.303	-0.180	0.082
KK8	-0.212	-0.263	<b>0.828</b>	0.400	-0.414	0.400	-0.421	0.227
PH10	-0.094	-0.051	0.442	<b>0.840</b>	-0.252	0.404	-0.217	0.028
PH11	-0.139	-0.111	0.452	<b>0.805</b>	-0.325	0.392	-0.279	0.159
PH13	-0.097	0.021	0.339	<b>0.747</b>	-0.141	0.259	-0.079	0.007
PH14	-0.127	-0.105	0.426	<b>0.820</b>	-0.311	0.401	-0.249	0.060
PK	0.301	0.549	-0.464	-0.330	<b>1.000</b>	-0.483	0.829	-0.231
S1	-0.078	-0.298	0.417	0.271	-0.394	<b>0.731</b>	-0.400	0.224
S2	-0.213	-0.282	0.464	0.417	-0.466	<b>0.809</b>	-0.427	0.211
S3	-0.110	-0.227	0.258	0.175	-0.262	<b>0.724</b>	-0.266	0.225
S4	-0.145	-0.204	0.390	0.371	-0.296	<b>0.803</b>	-0.299	0.189
S5	-0.130	-0.368	0.399	0.254	-0.491	<b>0.830</b>	-0.512	0.211
S6	-0.196	-0.114	0.445	0.526	-0.374	<b>0.776</b>	-0.318	0.150
S7	-0.170	-0.093	0.374	0.452	-0.264	<b>0.756</b>	-0.215	0.182
SK1	0.301	0.579	-0.452	-0.261	0.892	-0.429	<b>0.870</b>	-0.206
SK11	0.234	0.334	-0.325	-0.228	0.512	-0.345	<b>0.722</b>	-0.261
SK12	0.247	0.505	-0.386	-0.206	0.694	-0.447	<b>0.893</b>	-0.276
SK2	0.225	0.495	-0.375	-0.170	0.688	-0.390	<b>0.853</b>	-0.214
SK3	0.228	0.523	-0.469	-0.292	0.752	-0.389	<b>0.888</b>	-0.116
SK4	0.242	0.624	-0.415	-0.212	0.710	-0.375	<b>0.869</b>	-0.248
SK6	0.148	0.453	-0.346	-0.158	0.582	-0.339	<b>0.801</b>	-0.199
SK7	0.230	0.445	-0.426	-0.253	0.630	-0.367	<b>0.787</b>	-0.220
TR4	-0.087	-0.028	0.121	0.075	-0.139	0.169	-0.133	<b>0.684</b>
TR5	-0.130	-0.124	0.159	0.029	-0.193	0.197	-0.228	<b>0.856</b>
TR6	-0.203	-0.139	0.178	0.097	-0.224	0.248	-0.251	<b>0.899</b>

#### 4.2.2. Kesahan tumpuan

Kesahan tumpuan adalah tahap kesesuaian item-item yang mengukur konstruk yang sama, Maklumat pembeban faktor, kebolehpercayaan komposit dan purata varians terekstrak digunakan bagi menilai kesahan tumpuan ini. Justeru, analisis kebolehpercayaan terhadap faktor-faktor kesejahteraan dan kepuasan kewangan dapat dijalankan menerusi tiga kriteria utama kesahan iaitu nilai Alfa Cronbach yang melebihi 0.70, kebolehpercayaan komposit yang melebihi 0.60 dan purata varians terekstrak yang melebihi 0.50 (Hair *et al.* 2018). Merujuk Jadual 3, analisis model pengukuran PLS-SEM ini menunjukkan nilai Alfa Cronbach bagi faktor yang dipilih melebihi 0.70. Selain itu, nilai kebolehpercayaan komposit melebihi keperluan kajian iaitu 0.60. Ini membuktikan item-item yang terdapat dalam setiap faktor mempunyai keragaman yang kukuh. Nilai purata varians terekstrak di antara 0.603 hingga 1.000 bagi setiap faktor yang terlibat turut menunjukkan semua faktor sudah memenuhi syarat untuk nilai purata varians terekstrak yang dinyatakan.

Jadual 3: Analisis kesahan tumpuan mengikut konstruk

Konstruk	Alfa Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit	Purata Varians Terekstrak
BK	0.902	0.931	0.771
G	0.858	0.9	0.645
KK	0.701	0.833	0.626
PH	0.818	0.879	0.646
PK	1	1	1
S	0.891	0.914	0.603
SK	0.939	0.949	0.701
TR	0.748	0.857	0.669



#### 4.2.3. Kesahan pembeza layan

Seterusnya, penilaian kesahan pembeza layan dijalankan bagi memastikan faktor yang terbina mempunyai hubungan yang kuat dengan indikator masing-masing. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis kesahan pembeza layan menggunakan analisis kriterium Fornell-Larcker. Hasil analisis menunjukkan nilai punca kuasa dua purata varians terekstrak bagi semua konstruk adalah melebihi nilai pekali korelasi di antara konstruk dan semua konstruk. Menurut Fornell dan Larcker (1981), model hipotesis dianggap mempunyai kesahan pembeza layan yang baik apabila korelasi antara konstruk adalah lebih rendah daripada punca kuasa dua purata varians terekstrak. Justeru, keputusan yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa model luaran dalam Rajah 1 boleh diterima.

Jadual 4: Kesahan pembeza layan

Konstruk	BK	G	KK	PH	TR	S	PK	SK
BK	<b>0.878</b>							
G	0.336	<b>0.803</b>						
KK	-0.191	-0.233	<b>0.791</b>					
PH	-0.143	-0.084	0.521	<b>0.804</b>				
TR	-0.179	-0.126	0.189	0.084	<b>0.818</b>			
S	-0.195	-0.298	0.515	0.461	0.254	<b>0.777</b>		
PK	0.301	0.549	-0.464	-0.330	-0.231	-0.483	<b>1.000</b>	
SK	0.280	0.600	-0.481	-0.267	-0.256	-0.462	0.829	<b>0.837</b>

#### 4.3. Analisis kuasa dua terkecil separa - analisis model dalaman

Langkah seterusnya ialah penilaian model struktur iaitu model dalaman dengan meneliti hubungan hipotesis antara konstruk. Seperti dipaparkan dalam Jadual 5, nilai  $R^2$  bagi faktor Penggajian (G) adalah 0.336 yang membayangkan bahawa 33.6% Penggajian diramalkan oleh Kebolehpasaran (BK). Begitu juga  $R^2$  untuk Pengurusan Hutang (PH) dengan nilai 0.521 yang bermaksud 52.1% PH diterangkan oleh Kelakuan Kewangan (KK). Di samping itu, 44.5% Kepuasan Kewangan (PK) diterangkan oleh Penggajian (G). Hasil analisis turut menunjukkan 15.1% daripada nilai Stres Kewangan (S) diramalkan oleh Toleransi Risiko (TR), 29.8% oleh Kelakuan Kewangan (KK), 27.7% oleh Pengurusan Hutang (PH) dan 18.6% oleh Penggajian (G) manakala 71.5% daripada Kesejahteraan Kewangan (SK) dijelaskan oleh Kepuasan Kewangan (PK). Umumnya, model hipotesis yang dibangunkan memberikan maklumat jumlah varians yang diterangkan untuk setiap konstruk endogen yang munasabah. Analisis model dalaman dijalankan turut menggunakan kaedah butstrap bagi melihat sama ada wujud atau tidak hubungan antara setiap faktor. Keputusan nilai- $t$  yang melebihi nilai 1.96 menunjukkan keputusan disokong bagi setiap hipotesis yang dibangunkan iaitu wujud hubungan signifikan bagi setiap pemboleh ubah terlibat pada aras keertian 1% dan 5%. Ini menunjukkan faktor penggajian dan stres kewangan mempengaruhi kepuasan kewangan. Faktor penggajian dan kepuasan kewangan juga dilihat mempengaruhi kesejahteraan kewangan bagi keseluruhan responden. Rajah 1 pula, menunjukkan hasil analisis model dalaman yang telah dijalankan untuk keseluruhan responden yang terlibat bagi menunjukkan hubungan di antara faktor dengan kesan langsung antara satu faktor kepada faktor yang lain. Nilai  $R^2$  yang dihasilkan pula menunjukkan nilai varians dalam satu faktor yang dapat diramal oleh faktor lain. Nilai yang dicatatkan ialah sebanyak 41.3% varians dalam faktor kepuasan kewangan dapat diramal oleh faktor Penggajian dan Stres Kewangan manakala 71.8% varians dalam kesejahteraan kewangan dapat diramal oleh faktor Penggajian dan Kepuasan Kewangan.

Jadual 5: Ringkasan keputusan hipotesis berdasarkan nilai pekali lintasan dan nilai-*t*

Hipotesis	Hubungan bersebab	Pekali Lintasan	Sisihan Piawai	Nilai- <i>t</i>	Keputusan
<i>H1</i>	BK -> G	0.336	0.061	5.570**	Disokong
<i>H2</i>	G -> PK	0.445	0.054	8.703**	Disokong
<i>H3</i>	G -> S	-0.186	0.056	3.321**	Disokong
<i>H4</i>	G -> SK	0.208	0.042	5.040**	Disokong
<i>H5</i>	KK -> PH	0.521	0.053	9.751**	Disokong
<i>H6</i>	KK -> S	0.298	0.072	4.117**	Disokong
<i>H7</i>	PH -> S	0.277	0.066	4.080**	Disokong
<i>H8</i>	PK -> SK	0.715	0.042	17.343**	Disokong
<i>H9</i>	S -> PK	-0.350	0.050	7.063**	Disokong
<i>H10</i>	TR -> S	0.151	0.060	2.453*	Disokong

Petunjuk: \*bererti pada aras keertian 5%, \*\*bererti pada aras 1%


## 5. Perbincangan dan Kesimpulan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidik hubungan struktur antara faktor kesejahteraan kewangan belia dan kesejahteraan kewangan belia dengan meneliti hipotesis model. Daripada sepuluh hipotesis yang diuji, semua konstruk disokong dengan nilai-*t* yang diperoleh menunjukkan keputusan adalah bererti secara statistik. Melalui kajian ini juga, kesahan tumpuan, kesahan kebolehppercayaan dan kesahan pembeza layan diteliti dan dapatan menunjukkan ketiga-tiga analisis kesahan adalah baik bagi item-item soalan terpilih.

Konstruk Kebolehpasaran sering digunakan dalam meramal bentuk keupayaan kewangan seseorang menerusi gaji yang diterima. Kesan Kebolehpasaran terhadap Penggajian didapati sederhana, bererti secara statistik dan positif dalam model struktur. Pengaruh Kebolehpasaran terhadap Penggajian juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mansor dan Abu Rahim (2020). Selain itu, Kepuasan Kewangan dan Kesejahteraan Kewangan turut diramalkan oleh Penggajian dengan kesan sederhana, signifikan dan positif secara statistik. Hubungan positif yang wujud ini juga menyokong hasil kajian Vosloo *et al.* (2014) dan Davidescu *et al.* (2020). Namun begitu, Stres Kewangan diramalkan menunjukkan kesan negatif yang rendah menerusi Penggajian dan ini menyokong dapatan Kim dan Garman (2004).

Selain itu, kesan Kelakuan Kewangan terhadap Pengurusan Hutang dan Stres Kewangan didapati sederhana, positif dan bererti secara statistik. Hubungan yang wujud ini menyokong dapatan Sabri *et al.* (2018), Juen *et al.* (2013) dan Ahmad Basri dan Zainudin (2018). Pengurusan Hutang pula dilihat mempunyai kesan sederhana positif terhadap Stres Kewangan. Keputusan ini menyokong dapatan Joo *et al.* (2008) dan Britt *et al.* (2016). Namun begitu, kesan konstruk Toleransi Risiko terhadap Stres Kewangan menunjukkan kesan positif yang rendah dan bererti secara statistik. Dapatan ini menyokong keputusan yang diperoleh oleh Joo dan Grable (1999) dan Kannadhasan (2015). Selain itu, konstruk Stres Kewangan turut dapat meramalkan Kesejahteraan Kewangan dengan menunjukkan kesan yang sederhana dan signifikan secara statistik. Walau bagaimanapun, kesan tersebut adalah negatif dalam model struktur dan menyokong dapatan kajian Fan dan Henager (2020). Secara keseluruhan, wujud hubungan positif antara Kepuasan Kewangan dan Kesejahteraan Kewangan.

Faktor penentu kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia Melayu



Rajah 2: Analisis model dalaman bagi keseluruhan responden

Sebagai rumusan, kesejahteraan kewangan belia ternyata dipengaruhi oleh semua faktor yang terlibat berdasarkan analisis pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa yang dijalankan. Misalnya, gaji yang diperoleh jelas mempengaruhi kepuasan kewangan belia. Hubungan positif ini turut memberi kesan positif terhadap kesejahteraan kewangan belia. Walau bagaimanapun, faktor stres kewangan menunjukkan hubungan negatif terhadap kepuasan kewangan belia. Ini memberi gambaran bahawa stres kewangan yang dihadapi belia boleh mengurangkan tahap kepuasan kewangan dan seterusnya memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan belia.

## 6. Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini terhad kepada responden belia Melayu yang dijalankan dalam bentuk kajian kes bagi memberi maklumat awal mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan belia bagi kumpulan ini. Oleh kerana tempoh kajian yang dijalankan adalah singkat, maka tumpuan hanya dapat diberikan di kawasan Lembah Klang. Justeru, dicadangkan maklum balas responden merangkumi pelbagai etnik di seluruh Malaysia berasaskan pensampelan kebarangkalian untuk kajian masa hadapan bagi memastikan hasil analisis dapat mewakili kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia Malaysia. Selain itu, status pekerjaan belia juga boleh dipertimbangkan sama ada pekerja tetap atau pekerja kontrak yang mungkin memberi kesan ke atas kesejahteraan kewangan belia.

### Rujukan

- Ab Rahman S., Azim A.M.M. & Ismail S. 2020. Pandemik COVID 19: Tekanan kewangan, literasi kewangan menjadi penentu kesejahteraan kewangan di kalangan komuniti Durian Tunggal. *Journal of Business Innovation* 5(1): 91-98.
- Abdullah N., Fazli S.M. & Muhammad Arif A.M. 2019. The relationship between attitude towards money, financial literacy and debt management with young worker's financial well-being. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 27(1): 361-378.
- Abdullah N., Sabri M.F., Abdul Rahim H., Muhammad Arif A.M. & Zakaria N.F. 2013. Pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda. *Jurnal Pengguna Malaysia* 21: 16-34.
- Ahmad Basri A.S. & Zainudin N. 2018. Pengurusan hutang kad kredit dalam kalangan pekerja muda. *Jurnal Pengguna Malaysia* 31: 82-90.
- Bailey W.C., Woodiel D.K., Turner M.J. & Young J. 1998. The relationship of financial stress to overall stress and satisfaction. *Personal Finances and Worker Productivity* 2(2): 198-207.
- Balzer W.K., Kihm J.A., Smith P.C., Irwin J.L., Bachiochi P.D. & Robie C. 1997. *User's Manual for the Job Descriptive Index (JDI; 1997 Revision) and the Job in General (JIG) Scales*. Bowling Green: Bowling Green State University.
- Berntson E. & Marklund S. 2006. The relationship between employability and subsequent health. Presented at the Sixth Conference on Psychology & Health. Kerkrade, 8 – 10 May 2006.
- Britt S.L., Mendiola M.R., Schink G.H., Tibbetts R.H. & Jones S.H. 2016. Financial stress, coping strategy, and academic achievement of college students. *Journal of Financial Counseling and Planning* 27(2): 172-183.
- Bukhari N.J., Hyun K.K., Idris A. & Yunus M.M. 2020. Budaya dan kesannya ke atas perbelanjaan belia Melayu Kuala Lumpur. *e-Bangi* 17(4): 9-26.
- Davidescu A.A., Apostu S.A., Paul A. & Casuneanu I. 2020. Work flexibility, job satisfaction, and job performance among Romanian employees - Implications for sustainable human resource management. *Sustainability* 12(15): 6086.
- de Cuyper N., Bernhard-Oettel C., Berntson E., de Witte H. & Alarco B. 2008. Employability and employees well-being: Mediation by job insecurity. *Applied Psychology: An International Review* 57(3): 488-509.
- Delafrooz N. & Paim L.H.J. 2011. Determinants of financial wellness among Malaysia workers. *Asia Life Sciences* 20(2): 10092-10100.
- Elman C. & Angela O. 2002. Perceived job insecurity and entry into work-related education and training among adult workers. *Social Science Research* 31: 49-76.
- Fan L. & Henager R. 2021. A structural determinants framework for financial well-being. *Journal of Family and Economic Issues* 1-14.

- Fitzsimmons V.S. & Leach L.J. 1994. Net worth change: Beginning and expanding life cycle stages. *Financial Counseling and Planning* **5**: 65–82.
- Fornell C.G. & Larcker D.F. 1981. Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research* **18**(1): 39–50.
- Forrier A. & Sels L. 2003. The concept employability: A complex mosaic. *Human Resources Development and Management* **3**: 102-124.
- Freeman C., Carlson J. & Sperry L. 1993. Adlerian marital therapy strategies with middle income couples facing financial stress. *The American Journal of Family Therapy* **21**: 324–332.
- Godwin D.D. 1994. Antecedents and consequences of newlyweds' cash flow management. *Financial Counseling and Planning* **5**: 161–190.
- Hair J.F., Risher J.J., Sarstedt M. & Ringle C.M. 2019. When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review* **31**(1): 2-24.
- Halliday-Wynes S. & Nguyen N. 2014. *Does financial stress impact on young people in tertiary study?* Research report of Longitudinal Surveys of Australian Youth, pp. 9-28.
- Haveman R. & Wolff E.N. 2005. Who are the asset poor? Levels, trends, and composition, 1983-1998. Inclusion in asset building: Research and policy symposium, pp. 61-86.
- Hayhoe C. & Wilhelm M. 1998. Modeling perceived economic well-being in a family setting: A gender perspective. *Financial Counseling and Planning* **9**(1): 21–34.
- Hira T.K. & Mugenda O.M. 1999. The relationships between self-worth and financial beliefs, behavior, and satisfaction. *Journal of Family and Consumer Sciences Education* **91**(4): 76-82.
- Hoeve M., Stams G. J.J., van der Zouwen M., Vergeer M., Jurrius K. & Asscher J.J. 2014. A systematic review of financial debt in adolescents and young adults: Prevalence, correlates and associations with crime. *PloS one* **9**(8): e104909.
- Idris N.H., Yazid Z.A., Faique F.A., Daud S., Ismail S., Bakri M.H. & Taib N.M. 2016. Financial literacy and debt burden among Malay youth workers in Malaysia. *Advanced Science Letters* **22**(12): 4288-4292.
- IYRES. 2015. *Laporan Indeks Belia Malaysia 2015*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- IYRES. 2019. *Laporan Indeks Belia Malaysia 2019*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Jariah M. 2007. Testing of Malaysia's financial well-being scale. Presented at Seventh Biennial Conference 2007 ACFEA. Putrajaya. 4 - 7 July 2007.
- Johnson E. & Sherraden M.S. 2007. From financial literacy to financial capability among youth. *J. Soc. & Soc. Welfare* **34**(3): 119-146.
- Joo S. & Grable J.E. 2004. An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues* **25**(1): 162–171.
- Joo S. 2008. *Handbook of Consumer Finance Research*. New York: Springer.
- Joo S.-H., Durband D.B. & Grable J. 2008. The academic impact of financial stress on college students. *Journal of College Student Retention* **10**(3): 287–305.
- Juen T.T., Sabri M.F., Othman M.A., Abdul Rahim H. & Muhammad Arif A.M. 2013. The influence of financial knowledge, financial practices and self-esteem on money management skills of young adults. *Malaysian Journal of Youth Studies* **9**: 23-37.
- Kannadhasan M. 2015. Retail investors' financial risk tolerance and their risk-taking behaviour: The role of demographics as differentiating and classifying factors. *IIMB Management Review* **27**(3): 175-184.
- Kim J. & Garman E.T. 2004. Financial stress, pay satisfaction and workplace performance. *Compensation & Benefits Review* **36**(1): 69–76.
- Kim J., Garman E.T. & Sorhaindo B. 2003. Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. *Financial Counseling and Planning* **14**: 75–87.
- Mahdzan N.S., Zainudin R., Abd Sukor M.E., Zainir F. & Ahmad W.M.W. 2020. An exploratory study of financial well-being among Malaysian households. *Journal of Asian Business and Economic Studies* **27**(3): 285-302.
- Mansor J. & Abu Rahim M.A.R. 2020. Cabaran dan strategi pasca-pandemik untuk belia. *Kertas Perbincangan* 5/20, pp. 1-21.
- McCubbin H.I. & Patterson J.M. 1983. Stress: The family inventory of life events and changes. In Filsinger E.E. (pnyt.). *Marriage and Family Assessment*: 253–274. Beverly Hills, CA: Sage.
- Mohamad Fazli S. & Nurul Farhana Z. 2015. The influence of financial literacy, money attitude, financial strain and financial capability on young employees' financial well-being. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* **23**(4): 827–848.

- Mokhtar N. & Husniyah A.R. 2017. Determinants of financial well-being among public employees in Putrajaya, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* **25**(3): 1241-1260.
- Mugenda O.M., Hira T.K. & Fanslow A.M. 1990. Assessing the causal relationship among communication, money management practices, satisfaction with financial status, and satisfaction with quality of life. *Lifestyles: Family and Economic Issues* **11**: 343-360.
- Nuraini A. & Mohamad Fazli S. 2016. Faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. *International Journal of Education and Training (InJET)* **2**(2): 1- 19.
- Paim L., Yahaya N., Salleh N., Hashim A. & Haron S.A. 2004. *Kesejahteraan Isi Rumah : Johor Darul Takzim*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Palansamy Y. 2021. Study shows financial stress up 35pc in Malaysia since Covid-19 hit. <https://malaysia.news.yahoo.com/study-shows-financial-stress-35pc-032213636.html> (5 November 2021).
- Ponnet K., Wouters E., Goedemé T. & Mortelmans D. 2016. Family financial stress, parenting and problem behavior in adolescents: An actor-partner interdependence approach. *Journal of Family Issues* **37**(4): 574-597.
- Ringle C., Da Silva D. & Bido D. 2015. Structural equation modeling with the SmartPLS. *Brazilian Journal of Marketing* **13**(2): 56-73.
- Sabri M.F., Thinaganan A. & Dass L.M. 2017. The financial status, financial problems and personal well-being of urban poor youths. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* **7**(8): 2222-6990.
- Sabri M.F., Abdullah N., Dass T.M. & Che Jusoh O. 2018. Tingkah laku pengurusan kewangan, masalah kewangan, kesejahteraan hidup dan program sokongan pengguna di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Pengguna Malaysia* **30**: 103-121.
- Sawitri N. N. & Arifin A. Z. 2021. The financial position of youth employee: Pinning-up of financial capability and income. *Jurnal Akuntansi* **25**(1): 1-18.
- Silla I., de Cuyper N., Gracia F.J., Peiro J.M. & van de Witte H. 2009. Job insecurity and well-being: Moderation by employability. *Journal of Happiness Studies* **10**(6): 739-751.
- Singh L. & Sandhu N. 2017. Financial capability among youngsters in relation to their financial well-being. *International Journal of Management and Applied Science* **3**(11): 80-86.
- Tomlinson M. 2012. Graduate employability: A review of conceptual and empirical themes. *Higher Education Policy* **25**(4): 407-431.
- Vosloo W., Fouché J. & Barnard J. 2014. The relationship between financial efficacy, satisfaction with remuneration and personal financial well-being. *International Business & Economics Research Journal* **13**(6): 1455-1470.
- Xiao J.J. & Kim K.T. 2021. The able worry more? Debt delinquency, financial capability, and financial stress. *Journal of Family and Economic Issues*: 1-15.
- Xiao J.J., Shim S., Barber B. & Lyons A. 2007. *Academic Success and Well-Being of College Students: Financial Behaviors Matter*. Tucson: University of Arizona.
- Zulkarnain N.M. & Ramli Z. 2020. Perancangan kewangan ke arah perkahwinan dalam kalangan belia. *Jurnal Wacana Sarjana* **4**(2): 1-14.

*Pusat Pengajian Sains Matematik  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor DE, MALAYSIA  
Mel-e: zalina99@ukm.edu.my\*, nabihah239@gmail.com, nrms@ukm.edu.my,  
zbhm@ukm.edu.my, munira@ukm.edu.my*

Received: 16 November 2021

Accepted: 14 December 2021

---

\*Corresponding author